

Doktor Muhammad Hatta mengupas soal:

Islam dan Masyarakat

Agama Islam lahir dalam masyarakat yang terkebelakang, masyarakat jahiliyah. Tetapi pokok ajaran Islam telah dibawa oleh Nabi sebelum Nabi Muhammad *sallā Allāh alayhi wa sallam*, telah dibawa oleh Nabi-nabi Ibrāhīm, Mūsā dan ‘Isā (*alayhim al-ṣolātu wa al-salām*).

Cinta Kasih dan Keadilan

Nabi Muḥammad membawa ajaran yang dititikberatkan kepada menegakkan keadilan. Orang-orang Yahudi diberikan didikan supaya menegakkan dan memelihara keadilan.

Baca “*Sepuluh Wasiat*” maka titik beratnya ialah keadilan.

Nabi ‘Isā mengajarkan kepada umatnya yang pada masa itu berada dalam keadaan benci-membenci sesama sendiri, supaya menjadi orang yang melakukan cinta kasih.

Maka titik berat dari ajaran Nabi ‘Isā ialah: Cinta kasih. Bacalah umpamanya ayat-ayat Yuhana (Saint John).

Kelengkapan ajaran yang dibawa oleh Nabi Muḥammad ialah bahawa baginda tidak mengemukakan salah satu segi sahaja, tetapi kedua-duanya. Tidak hanya keadilan sahaja tidak pula hanya cinta kasih sahaja. Tetapi keduanya, iaitu adil dan cinta kasih.

Sebagai hasil dari ajaran dan didikan utama yang dibawa oleh Nabi Muḥammad (S.A.W) itu, maka masyarakat Arab yang terkebelakang itu dalam masa yang pendek telah menjadi bangsa yang beradab dan maju. Bangsa Arab kemudian dapat bahkan mengembangkan kebudayaannya sampai ke Eropah. Orang Eropah setelah itu berguru kepada orang Arab. Ilmu pengetahuan Yunani (Greek Tua)

yang telah tenggelam, dihidupkan kembali oleh orang-orang Arab.

Hukum Tertinggi ialah Damai

Hukum setinggi-tingginya di dalam Islam ialah: Damai, Selain itu tunduk dan taat kepada Allah Yang Maha Pengasih. Nabi Muhammad sentiasa sesuaikan ajaran Islam dengan keadaan masyarakat cara itu yang kemudian terdapat dan terkenal di negara kita, iaitu adat bersendi *shara’* dan *shara’* bersendi adat. (Kalau tak salah menurut suatu perbilangan lagi ialah: “Adat bersendi *shara’*, dan *shara’* bersendi kitab Allah.” - P.)

Dan diambil yang menjadi hukum tertinggi dalam Islam itu menimbulkan apa yang disebutkan hidup bertolong-tolongan, gotong-royong.

Bagaimanapun juga hebatnya pertentangan, akan dapat diatasi dengan cara damai. Dan di sinilah kelebihanannya Islam.

Keadilan Ilahi

Islam mempunyai pendapat untuk memperbaiki dunia, supaya kehidupan di dunia ini sesuai dengan sifat Tuhan sebagai yang kita puja di dalam surah al-Fātihah.

Dalam surah ini kita mengharapkan dan menghendaki terlaksananya keadilan Ilahi, suatu keadaan yang amat agung.

Bila keadilan itu dapat terlaksana, maka orang merasa hidup damai, merasa mendapat keadilan yang sebenarnya, merasa tidak ada kekurangan.

Wajib Cergas

Sebagai Muslim, kita tidak bersikap lembab terhadap masalah dunia. Dan memang di dalam Islam tidak ada faham memperbelakangi dunia. Di dalam Kristian di Eropah ada puak yang menjauhi dunia. Di dalam Islam tidak ada, bahkan tidak boleh.

Di dalam Islam orang Islam wajib bertindak dengan cergas di dalam masyarakat, bagi mencapai masyarakat yang kasih sayang dan berkeadilan. Agama Islam bukan semata-mata untuk kehidupan akhirat, bukan hanya untuk keselamatan rohani sahaja. Islam menyuruh umatnya mengumpulkan bekalan untuk kepentingan hidup di dunia dan akhirat.

Nabi Muḥammad (S.A.W) ada bersabda (ertinya), bahawa: Bekerjalah kamu untuk kepentingan dunia kamu seolah-olah kamu akan hidup selama-lamanya, dan beramallah untuk akhirat kamu seolah-olah kamu akan mati esok pagi.

Berbuat Baik

Masyarakat berkembang terus dengan segala macam hukum-hukumnya. Umat Islam perlu mengetahui hukum yang menguasai masyarakat itu. Baik yang mengenai pergaulannya, mahupun ekonomi, politik dan lain-lain ilmu yang berguna untuk meninjau masyarakat.

Saya menganjurkan umat Islam harus menginsafi tugasnya dalam masyarakat, iaitu untuk

membentuk masyarakat supaya sesuai dengan keadilan Ilahi.

Apakah yang harus kita perbuat ini? Yang kita harus perbuat ialah melakukan kebaikan. Apakah kebaikan atau perbuatan baik itu? Ialah perbuatan yang sesuai dengan cita-cita Islam, iaitu cinta kasih dan keadilan Ilahi atau keadilan Islam.

Cara Melaksanakannya

Bagaimana cara bertindak untuk melaksanakannya? Bolehkah dengan hanya dengan suatu perintah sahaja? Perbaikan itu tidak boleh terdapat dengan hanya diperintahkan demikian sahaja. Kerana masyarakat terdiri dari manusia yang mempunyai kemahuan dan perasaan. Menurut Islam manusia itu bukan satu tetapi ramai. Seseorang Muslim itu bukan seseorang yang tersendiri tetapi seseorang yang berkait dengan ramai.

Sudahkah kita menjadi orang Islam yang demikian?

Baiklah kita tinjau diri kita masing-masing. Untuk bahan meninjau ini, kembali saya mengemukakan dengan memaham akan surah al-Fātihah yang sekurang-kurangnya kita baca 17 kali sehari semalam di dalam sembahyang. Dan fahami juga akan surah al-Ikhlāṣ (*Qul huwa Allāhu ahad*), yang mengakui keesaan dan kekuasaan Allah, yang tidak ada tempat kita berharap dan takut kecuali kepada-Nya. Dengan dasar pegangan itu, maka seorang Islam tidak boleh jadi penakut sebab yang ditakutinya hanya Allah semata-mata. Tidak boleh dan tak usah takut walaupun dibuang seorang diri ke dalam hutan.

Menurut al-Fātihah, alam ini kepunyaan Allah. Dan kita manusia ini menjadi juru kuasa bagi

memeliharanya baik-baik. Hasil-hasil pemeliharaan yang baik-baik itu harus menjadi warisan kita bagi angkatan yang akan datang.

Kita hendaklah bekerja untuk memperbaiki masyarakat. Dengan tiada bekerja, kita tidak boleh melakukan perbaikan yang sesuai dengan cita-cita Islam.

Lenyapkan Kemiskinan

Sebenarnya kita mempunyai ajaran agama yang menyuruh kita berbuat kebaikan di dalam masyarakat. Tetapi sayangnya kita ketinggalan daripada mengamalkannya dari orang Eropah, umpamanya dalam lapangan pergaulan. Dalam beberapa buah negara di Eropah orang yang telah berusia 65 tahun diberi bantuan oleh pemerintah, mendapat pencen dari negara, dengan tiada memandang apa pekerjaan dan apa jasanya kepada masyarakat. Apa yang dilakukan di Eropah itu menurut pendapat saya termasuk kepada salah satu daripada keadilan Ilahī yang diajarkan oleh Islam, yang lebih luas dari keadilan masyarakat.

Sudahkah itu dilakukan di negeri kita? Belum ada. Kita belum sanggup.

Cita-cita kita memang keadilan masyarakat, tetapi yang baharu ada ialah kemiskinan.

Yang dapat kita kerjakan baharu sebahagian kecil. Yang mesti kita kerjakan masih besar. Sedang yang kecil ini belum lagi sempurna. Maka kita mestilah mendidik kemampuan diri secara beransur-ansur kalau kita benar merasa diri orang Islam.

Perlu Pertubuhan

Untuk usaha memperbaiki masyarakat, diperlukan pertubuhan. Pertubuhan-pertubuhan perlu dibentuk. Bukan hanya

pertubuhan parti politik atau untuk merebut kerusi di dalam majlis mesyuarat sahaja. Ini hanya salah satu jalan. Masih diperlukan pertubuhan-pertubuhan lain, yang ditujukan untuk memperbaiki masyarakat. Bukan hanya untuk perbaikan diri sendiri. Memang kita lihat banyak orang Islam di negeri kita yang berlumba-lumba untuk keduniaan. Mereka ini di antaranya mendirikan syarikat-syarikat, tetapi sayang banyak yang hanya untuk diri sendiri. Bukan sedikit dari mereka ini hanya melonggok-longgokkan kekayaan untuk dirinya sendiri bukan untuk keadilan Ilahi, bukan untuk lenyapkan kemiskinan dalam masyarakat. Mereka ini jatuh kepada apa yang digambarkan oleh Allah di dalam surah al-Humazah.

Pecahkan Dunia

Nafsu untuk mencari kekayaan bagi diri sendiri, akibatnya boleh memecahkan dunia dalam dua golongan masyarakat. Golongan yang punya dan golongan yang tak punya.

Contoh di Eropah menyatakan, bahawa tajamnya pertentangan golongan itu menimbulkan akibat-akibat yang jauh. “Lenin” yang memahami ajaran “Marx”, dengan menyalahi ajaran Marx itu sendiri, boleh mendapatkan keuntungan daripada teori Marx. Ia katakan hendak meruntuhkan kaum kapitalis, untuk membentuk masyarakat komunis yang dikuasai oleh golongan yang besar iaitu dengan istilah “diktator proletariat”, supaya tercipta masyarakat yang tidak berkelas dan keadilan.

Tetapi yang timbul bukanlah kekuasaan proletariat, melainkan diktator atas proletariat. Dan di dalam masyarakat komunis di Rusia, kita dapati keadaan, bahawa manusia hanya merupakan alat.

Kalau kita tidak ingin keadaan demikian timbul di negeri kita, maka kita umat Islam hendaklah insaf dan bekerja keras terjun di dalam masyarakat untuk memperbaiki masyarakat, melenyapkan kemiskinan.

Syarikat kerjasama Sesuai Dengan Cita-cita Islam

Hendaklah diinsafi, bahawa di dalam masyarakat yang rakyatnya miskin, faham komunis mudah berkembang. Kalau umat Islam mengabaikan tugasnya iaitu melaksanakan ajaran Islam menciptakan keadilan Ilahi, maka akan ada pihak lain yang akan menegakkan “keadilan” yang sesuai dengan ajarannya.

Satu-satunya pertubuhan ke arah perbaikan kehidupan rakyat yang terbaik, yang menurut pendapat saya sesuai dengan cita-cita Islam, ialah: syarikat kerjasama. Sebab di dalam syarikat kerjasama tidak ada pertentangan antara majikan

dan buruh. Semuanya majikan, dan semuanya buruh.

Tetapi memang keadaan syarikat kerjasama sekarang, belum lagi merupakan syarikat kerjasama yang sebenarnya. Ia masih memerlukan perbaikan-perbaikan. Tetapi cita-citanya dapat diyakini kebaikannya.

Zakat Cukai Pergaulan

Satu peraturan yang hanya terdapat di dalam agama Islam, ialah zakat. Zakat bukanlah merupakan cukai pencarian (pendapatan), tetapi ia suatu cukai pergaulan. Suatu cukai untuk tujuan melaksanakan keadilan Ilahi, yang bersendikan cinta kasih dan damai. Hendaklah soal zakat ini mendapat perhatian sungguh-sungguh terutama kedudukannya seyogialah difahami sebaik-baiknya, hingga tujuan zakat itu tercapai.

“Hamka”¹

(sambungan dari muka 17)

Profesor Abdul Kahar Muzakkar mahaguru Universiti Islam Indonesia yang terkenal di Malaya ini sepulangnya dari perjalanannya menjajah Malaya mungkin pula terkena tangkap dan ditahan. Beberapa orang teman-temannya telah banyak menulis surat kepadanya tetapi malangnya surat-surat mereka dipulangkan kerana dikatakan ia tidak ada di Jogja seperti alamat-alamat biasa yang selalu ditulis mereka.

Kalau orang yang berjasa itu, kerana sifatnya sebagai ketua Masyumi Jogja ditangkap maka apakah lagi yang diharap oleh orang-orang Masyumi untuk memperjuangkan negara Islam di Indonesia dengan jalan

perlembagaan dapat dicapai. Dari dahulu telah banyak anjuran-anjuran supaya Masyumi bersifat tegas terhadap kepada pemerintah Sukarno tetapi hal ini tidak diindahkan sehingga akhirnya lepas satu, satu pemimpin Masyumi yang ditangkap sehingga akhirnya ada lagi pemimpin-pemimpin mereka yang bakal memimpin perjuangannya.

Sebenarnya inilah perkara-perkara kesalahan perjuangan Masyumi yang selalu beralah sehingga kekuatan mereka habis – habis disapu oleh Sukarno yang menjadi pemimpin gemarkan komunis – yang menjadi musuh Islam yang utama – yang menjadi manusia yang bertopengkan Islam tetapi sebenarnya seteru Islam.

¹ Hikmah